

## FAKTOR PEMILIHAN JENIS KOKURIKULUM: KAJIAN KES PELAJAR UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)

Selamah Maamor,<sup>1</sup> Ahmad Zubir Ibrahim<sup>2</sup> & Aznita Samsi<sup>3</sup>

### Abstrak

*Pelajar universiti telah mengikuti beberapa jenis kokurikulum sepanjang pengajian mereka di sekolah rendah, sekolah menengah, dan seterusnya semasa di matrikulasi atau pusat pengajian lain sebelum masuk ke institusi pengajian tinggi iaitu universiti. Apakah pengalaman yang mereka lalui mempengaruhi pemilihan terhadap kokurikulum di universiti atau apakah masa depan mereka menjadi faktor yang lebih utama bagi pemilihan jenis kokurikulum. Kajian ini adalah untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan jenis kokurikulum yang diikuti oleh pelajar di peringkat universiti. Soalan soal selidik berstruktur digunakan dan diedarkan kepada responden yang terdiri daripada pelajar Pusat Pengajian Perniagaan Islam, UUM iaitu seramai 105 orang. Kajian ini akan merungkai persoalan tersebut menggunakan analisis diskriptif termasuk cross-tab dan juga analisis korelasi. Faktor utama pemilihan ke atas jenis kokurikulum pelajar di UUM adalah faktor kawan, pengalaman dan perancangan kerjaya tanpa menafikan faktor minat yang mendalam terhadap jenis kokurikulum tersebut. Justeru, selaku perancang masa depan pelajar, penggubal dan penyedia program pengajian peringkat tinggi, mereka yang bertanggungjawab harus menyediakan tatacara yang membolehkan pelajar dapat memilih jenis kokurikulum yang diminati bersesuaian dengan program pengajian yang diikuti sehingga akhirnya mampu meningkatkan kebolehan pekerjaan pelajar itu sendiri.*

**Kata Kunci:** Pemilihan Jenis Kokurikulum, Perancangan Kerjaya, Pengajian Peringkat Tinggi, Soal Selidik Berstruktur, Pusat Pengajian Perniagaan Islam

### Pengenalan

Kokurikulum merangkumi segala aktiviti yang dilaksanakan untuk memperkukuhkan segala aktiviti akademik. Ringkasnya pelajaran yang diajar secara formal di dalam bilik darjah atau dewan kuliah diperkukuhkan pemahamannya dengan aktiviti-aktiviti terancang yang biasanya dilakukan di luar bilik darjah. Melalui pelaksanaan kokurikulum ini, kita dapat membina dan mengukuhkan sahsiah seseorang pelajar atau individu.

Di Institusi Pengajian Tinggi (IPT), pada peringkat awalnya kegiatan kokurikulum dianggap sebagai kegiatan mengisi masa senggang sahaja, satu kegiatan yang tidak diambil kira dalam pengiraan syarat pengijazahan. Universiti Sains Malaysia adalah antara IPT pertama mengambil inisiatif memasukkan kegiatan kokurikulum sebagai aktiviti pilihan pelajar. Namun UUM merupakan IPT pertama mengambil langkah lebih proaktif dengan menjadikan kegiatan kokurikulum sebagai kegiatan berkredit yang kemudiannya disusuli oleh IPT-IPT lain di negara ini. Pada masa ini, kebanyakan IPT telah menjadikan kegiatan

---

<sup>1</sup> Selamah Maamor, Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Universiti Utara Malaysia. selamahm@uum.edu.my

<sup>2</sup> Ahmad Zubir Ibrahim, Pusat Pengajian Kerajaan, Universiti Utara Malaysia.

<sup>3</sup> Aznita Samsi, Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan, Universiti Utara Malaysia.

kokurikulum sebagai aktiviti akademik berkredit yang wajib diambil oleh pelajar untuk membolehkan mereka mendapat ijazah. Kokurikulum diwujudkan dengan kepercayaan bahawa semua orang harus mempunyai keseimbangan antara perkembangan mental, rohani dan jasmani.

Matlamat kokurikulum cukup murni, iaitu untuk memberikan pendidikan yang menyeluruh, menggilap bakat pelajar, menyemai dan memupuk aspek kepemimpinan, meningkatkan disiplin pelajar, memupuk dan memperkukuh perasaan muhibbah dan perpaduan, menyemai nilai-nilai pendidikan, mengisi masa lapang dengan cara yang berfaedah, serta menyumbangkan usaha membina iklim, budaya dan tempat yang menarik dan menyeronokkan.

Matlamat ‘menyemai dan memupuk aspek kepimpinan’ dapat dicapai melalui aktiviti terancang seperti perkhemahan, seminar, pertandingan, projek kemasyarakatan dan seumpamanya. Melalui kegiatan-kegiatan ini, pelajar berlatih dalam hal-hal kepimpinan. Melalui pembentukan jawatankuasa kerja, setiap orang berperanan untuk menjadi ketua dan pada waktu yang lain menjadi pengikut. Seorang pengerusi jawatankuasa induk akan menjadi pemimpin kepada semua ahli jawatankuasa di bawahnya, manakala seorang pekerja paling bawah dalam hierarki tatalaksana projek menjadi pengikut kepada pemimpin di atasnya.

UUM telah menjadikan kursus kokurikulum sebagai kursus teras Universiti bermula tahun 1984. Ia mesti diikuti oleh pelajar selama empat semester untuk mengumpul empat jam kredit dan matagred yang didapati dikira dalam pengiraan Purata Matagred Keseluruhan pelajar. Mulai awal tahun 1990, satu pandangan baru telah muncul berhubung dengan kegiatan kokurikulum dan hubungannya dengan pembentukan sahsiah para pelajar. Sejak beberapa tahun lepas, apa sahaja kegiatan yang turut membantu untuk memperkembangkan sahsiah seseorang individu yang dilaksanakan secara formal atau tidak, digolongkan sebagai ‘kokurikulum’ kerana jika dilihat program yang direncanakan, bukanlah sekadar mengisi masa senggang tetapi juga untuk memperkayakan pengetahuan dalam sesuatu bidang di samping memperkukuh sahsiah individu.

Menurut Mohd Sofian, Aminuddin dan Borhan (2000) menjelaskan bahawa kokurikulum merupakan pelengkap kepada kehendak dan keperluan di mana melalui kurikulum pelajar diberi peluang untuk menambah, mengukur dan mengamalkan kemahiran, pengetahuan dan nilai yang dipelajari dibilik darjah. Pada masa yang sama, aktiviti kokurikulum turut menekankan perkara dan aspek yang tersembunyi seperti nilai, bakat, peranan, kepimpinan dan sebagainya.

Wee Eng Hoe (1996) turut menjelaskan kegiatan kokurikulum dianggap sangat berkesan untuk memupuk keseimbangan perkembangan mental dan perkembangan rohani, jasmani dan sosial pelajar. Aktiviti kokurikulum memberi arah dan hala tuju kepada pelajar supaya menceburkan diri dalam kegiatan yang berfaedah. Berikutan penceburan dalam kegiatan ini, diharapkan dengan kemahiran yang dipelajari melalui aktiviti-aktiviti tersebut boleh memupuk gaya hidup (*life style*) yang sihat. Kegiatan kokurikulum juga dapat mengukuhkan interaksi antara pelajar dan sekaligus memupuk integrasi antara kaum di samping memupuk sifat kesopanan, berdikari, kerajinan bekerja, berdisiplin dan patuh kepada undang-undang yang boleh membentuk pelajar supaya menjadi warganegara yang berguna.

Pusat Pengajian Perniagaan Islam (IBS) UUM telah ditubuhkan pada 1 Julai 2011. IBS menawarkan 2 program peringkat Sarjana Muda iaitu Sarjana Muda Kewangan dan

Perbankan Islam (BIFB) dan Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat (BMA) yang telah ditawarkan lebih awal iaitu tahun 2004 di bawah pusat pengajian lain. Program-program ini juga mewajibkan pelajarinya mengambil 4 jam kredit kokurikulum. Justeru, dengan penubuhan IBS dan dua program ini diselia terus oleh IBS sendiri, pastinya jenis pilihan kokurikulum pelajar mereka menjadi perhatian pihak pengurusan IBS. IBS mahu graduan mereka mempunyai ciri-ciri kepemimpinan Islam dan punyai semangat ukhuwwah serta mampu berkomunikasi dengan baik dan berkeyakinan. Matlamat Pusat Pengajian dalam merangka program sarjana muda ini selari dengan syariat dan sangat perlu direalisasikan demi jihad untuk membawa nama Islam sebagai agama yang syumul dan maju di mata dunia. Maka, amatlah wajar kajian ke atas pilihan jenis kokurikulum pelajar IBS dijalankan bagi melihat corak pemilihan kekurikulum pelajar, faktor pemilihan dan kesan kokurikulum ke atas pelajar.

### **Sorotan Karya**

Di dalam proses pembelajaran termasuklah pemilihan aktiviti kokurikulum, faktor minat merupakan faktor yang utama yang akan menentukan impak pelaksanaan aktiviti kokurikulum. Sekiranya pelajar tidak berminat dengan aktiviti kokurikulum ia akan menghasilkan pembelajaran yang tidak berkesan dan seterusnya akan memusnahkan bakat terpendam para pelajar. Minat adalah segalanya yang membawa erti walaupun seseorang pelajar mempunyai kebolehan dalam melakukan kerja tetapi disebabkan oleh faktor minat, pelajar akan mudah menguasai bidang tersebut. (Khashiatul Fauziah, 2003) malah dapat menterjemahkan pelbagai hasil pembelajaran dalam pelbagai bentuk dan inovasi. Roshidah (2001) juga turut berpendapat bahawa dengan minat yang ada dalam diri pelajar akan menjadi pemangkin dan pencetus kepada sesuatu kerja yang lebih baik. Seymour dan Hewitt (1997) menjelaskan bahawa faktor minat merupakan elemen yang paling dominan mempengaruhi pelajar untuk mengikuti sesuatu program. Di samping itu juga kemudahan yang ditawarkan oleh pihak universiti turut memberi kesan kepada pemilihan program termasuk aktiviti kokurikulum.

Faktor peluang kerjaya juga turut memberi impak kepada pemilihan aktiviti kokurikulum. Ini kerana pemilihan aktiviti kokurikulum turut dipengaruhi oleh faktor kerjaya yang ingin diceburi oleh pelajar. Crites (1989) menjelaskan bahawa pemilihan kerjaya adalah satu keputusan yang paling penting dalam kehidupan individu yang mula berfikir untuk memasuki alam pekerjaan. Perkara ini adalah selari dengan pemilihan aktiviti kokurikulum di mana melalui aktiviti kokurikulum yang diikuti akan memberi tambah nilai kepada pelajar apabila memasuki dunia pekerjaan kelak. Suradi (1998) turut berpendapat bahawa anak-anak muda perlu diberi maklumat tentang pekerjaan sebenar agar mereka dapat membuat persediaan awal sebelum memasuki alam pekerjaan yang sebenar. Pada masa yang sama, para pelajar perlu diberi bimbingan dalam memilih kerjaya (Robiah, 2003) melalui aktiviti kokurikulum. Ini bertujuan untuk mengelak para pelajar menerima maklumat yang salah dan akhirnya akan menyebabkan mereka gagal menyesuaikan diri dalam aktiviti kokurikulum yang dipilih dan gagal mengikuti kursus dengan baik dan sempurna.

Selain daripada itu, sikap pelajar juga turut mempengaruhi pemilihan kursus kokurikulum. Ada pelajar mempunyai keyakinan diri yang tinggi, bersikap positif, sentiasa ingin mencuba. Namun, terdapat juga pelajar yang pasif, tiada keberanian untuk meneroka kemampuan diri, berfikiran negatif dan sebagainya. Shahabudin (2003) menjelaskan bahawa pelajar yang mempunyai sifat kebertanggungjawaban akan lebih aktif dalam sebarang aktiviti pembelajaran berbanding pelajar yang kurang atau tidak bertanggungjawab. Ini kerana melalui sifat kebertanggungjawaban ini akan mewujudkan sifat sabar dan keterbukaan

sesorang pelajar untuk menghasilkan sesuatu yang berkualiti. Sikap yang baik ini akan melahirkan insan yang berpotensi dan cemerlang dalam pencapaian akademik (Abdul Fatah 2001) dan kokurikulum.

Pada masa yang sama, galakan ibu bapa turut memberi kesan kepada pemilihan kursus kokurikulum. Mustafa Kamal (2000) menjelaskan kebanyakan ibu bapa kurang mendorong penglibatan anak-anak dalam kegiatan kokurikulum. Keadaan diburukkan lagi apabila peralatan, kelengkapan dan kemudahan kurang diberi perhatian oleh pihak sekolah. Hanya faktor minat dan rakan-rakan sebaya dapat membantu membina kesedaran pelajar terhadap kepentingan aktiviti kokurikulum.

Ringkasnya, berdasarkan kajian lepas, minat menjadi faktor utama pemilihan jenis kokurikulum pelajar disamping faktor peluang kerjaya pada masa hadapan, sikap pelajar, pengaruh orang sekeliling seperti kawan, keluarga serta ketersediaan prasarana.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini melibatkan seramai 105 orang responden yang dipilih secara rawak berstrata dalam kalangan pelajar IBS yang telah mengikuti kokurikulum di UUM. Kajian ini akan mengenalpasti faktor penentu pelajar dalam memilih jenis kokurikulum. Pada masa yang sama, kajian ini turut mengkaji pandangan pelajar terhadap kokurikulum yang diikuti serta kesan terhadap kokurikulum yang diikuti berdasarkan pandangan terhadap pencapaian matlamat pelaksanaan kokurikulum. Secara umumnya soalan soal selidik kajian ini terdapat 5 bahagian dengan Bahagian A: Maklumat demografi pelajar; Bahagian B: Maklumat tentang kokurikulum yang dipilih; Bahagian C: Pandangan terhadap kokurikulum yang dipilih; Bahagian D: Pandangan terhadap matlamat kokurikulum di UUM; dan Bahagian E: Cadangan terhadap kokurikulum di UUM. Jumlah sampel yang perlu dipilih daripada populasi ini ditentukan dengan menggunakan formula mudah oleh Yamane (1967) iaitu 100 sampel sahaja. Data yang dikutip hasil edaran soal selidik pada bulan April 2014 dianalisis menggunakan analisis diskriptif termasuk *cross-tab* dan juga analisis korelasi melalui ujian-t dan anova.

### **Keputusan Kajian**

Kajian ini telah berjaya menemubual seramai 105 orang responden iaitu pelajar IBS yang terdiri daripada pelajar perempuan 87 orang (82.9%), lelaki 18 orang (17.1%). Pelajar program Sarjana Muda Kewangan dan Perbankan Islam (Bachelor of Islamic Finance and Banking – BIFB) 77 orang (73%) manakala Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat (Bachelor of Muamalat Administration – BMA) 28 orang (27%). Semua pelajar yang ditemubual juga merupakan pelajar Melayu dan beragama Islam.

Kebanyakan pelajar ini menginap di Kolej Kediaman Pelajar (DPP) Sime Darby iaitu seramai 19 orang (18.1%), diikuti oleh DPP Proton dan DPP SME Bank dengan masing-masing 15 orang (14.3%) dan selebihnya menetap di pelbagai DPP lain yang disediakan oleh pihak UUM. Tiada pelajar UUM yang menginap di rumah sewa kerana UUM menyediakan penginapan kepada semua pelajar sarjana muda sepanjang tempoh pengajian mereka.

Perbincangan seterusnya adalah berkaitan dengan Jadual 4.1. Berdasarkan jadual tersebut dapat dilihat kebanyakan pelajar adalah berumur 21 tahun dan berada di semester keempat pengajian mereka. Kebanyakan pelajar yang ditemubual memasuki UUM melalui kelulusan akademik matrikulasi iaitu seramai 53 orang (50.5%).

**Jadual 4.1: Umur, Semester Pengajian Dan Kelulusan Akademik Responden**

Item	Kekerapan	Peratus (%)
<b>Umur pada tahun 2014</b>		
20	27	25.7
21	31	29.5
22	22	21.0
23	14	13.3
24	10	9.5
25	1	1.0
<b>Semester Pengajian</b>		
2	23	20.0
3	10	9.5
4	48	45.7
5	10	9.5
6	14	13.3
<b>Kemasukkan dengan kelulusan akademik</b>		
Matrikulasi	53	50.5
Diploma	27	25.7
STPM	25	23.8

Perbincangan seterusnya adalah berkaitan Jadual 4.2 iaitu tempat tinggal dan negeri tempat tinggal responden. Kebanyakan responden tinggal di luar bandar iaitu seramai 70 orang (66.7%). Negeri tempat tinggal responden kebanyakannya adalah dari Kelantan 17.1%, diikuti Selangor 16.2%, seterusnya Perak dan Kedah dengan masing-masing 15.2%.

**Jadual 4.2: Tempat Tinggal dan Negeri Tempat Tinggal Responden**

Item	Kekerapan	Peratus (%)
<b>Tempat tinggal</b>		
Luar bandar	70	66.7
Bandar	35	33.3
<b>Negeri tempat tinggal responden</b>		
Kelantan	18	17.1
Selangor	17	16.2
Kedah	16	15.2
Perak	16	15.2
Johor	13	12.4
Terengganu	8	7.6
P.Pinang	6	5.7
Perlis	5	4.8
Sabah	3	2.9
N. Sembilan	1	1.0
Pahang	1	1.0
Sarawak	1	1.0

Berdasarkan dapatan kajian yang ditunjukkan dalam Jadual 4.3, didapati bahawa hobi kebanyakan responden adalah berhibur dan bersantai di mana seramai 36 orang atau 38.3% responden menyatakan sedemikian. Antara bentuk hiburan dan aktiviti santai yang dimaksudkan adalah melayari internet, berchatting, berfacebook dan menonton televisyen. Bagi kategori cita-cita pula, dapat dilihat bahawa hampir separuh responden iaitu sebanyak 44.8% bercita-cita untuk berada dalam bidang kewangan dan perbankan selepas tamat pengajian. Kebanyakan mereka bercita-cita untuk bekerja sebagai pengurus bank, pegawai bank dan perancang kewangan. Manakala bagi bidang pendidikan, kebanyakan responden bercita-cita menjadi pensyarah. Namun perkara yang merisaukan juga adalah mereka yang belum ada cita-cita lagi iaitu seramai 13 orang atau 12.4%. Kebanyakan pelajar adalah dalam semester kedua dan ke atas dan sepatutnya mereka telah mempunyai cita-cita di peringkat ini. Matlamat masa hadapan yang lebih jelas sepatutnya telah ada bagi setiap pelajar IPT.

**Jadual 4.3: Hobi dan Cita-cita Responden**

Item	Kekerapan	Peratus (%)
<b>Hobi</b>		
Berhibur dan Bersantai	36	38.3
Membaca	32	34.0
Bersukan	13	13.8
Aktiviti Lasak	10	10.6
Lain-lain	3	3.2
<b>Cita-cita</b>		
Bidang Kewangan dan Perbankan	47	44.8
Bidang Pendidikan	29	27.6
Bidang Keusahawanan dan Perniagaan	13	12.4
Belum Ada Cita-cita	13	12.4
Lain-lain	3	2.9

Jadual 4.4 merujuk kepada pekerjaan utama ibu bapa atau penjaga responden. Dapat dilihat bahawa kebanyakan bapa responden bekerja sendiri, manakala ibu responden pula tidak bekerja.

**Jadual 4.4: Pekerjaan Utama Ibu dan Bapa atau Penjaga Responden**

Item	Kekerapan	Peratus (%)
<b>Pekerjaan Utama Bapa/Penjaga</b>		
Bekerja sendiri	41	39.4
Sektor awam	31	29.8
Sektor swasta	16	15.4
Tidak bekerja	9	8.7
Meninggal dunia	7	6.7
<b>Pekerjaan Utama Ibu/Penjaga</b>		
Tidak bekerja	44	42.7
Sektor awam	23	22.3
Bekerja sendiri	20	19.4
Sektor swasta	11	10.7
Meninggal dunia	5	4.9

Untuk maklumat berkaitan pendapatan dan perbelanjaan responden pula dapat dilihat dalam Jadual 4.5 di mana purata pendapatan pelajar daripada kiriman keluarga adalah RM470 sebulan. Dari segi perbelanjaan pula, purata perbelanjaan seorang pelajar adalah RM626 sebulan dengan mengambil kira perbelanjaan penting iaitu makanan, pakaian, buku atau fotostat, telefon, hiburan dan rekreasi.

**Jadual 4.5: Maklumat Pendapatan dan Perbelanjaan Responden**

Item	N	Purata	Sisihan Piawai
<b>Maklumat Pendapatan</b>			
Kiriman dari Keluarga (purata RM sebulan)	76	469.34	482.624
Wang PTPTN ( RM sebulan)	60	387.90	165.47
Zakat (RM setahun)	8	140.00	81.11
Pendapatan Kerja sambilan (purata RM sebulan)	3	1226.67	1536.923
<b>Maklumat perbelanjaan (sebulan)</b>			
Perbelanjaan untuk Makanan (RM)	85	313.62	268.484
Perbelanjaan untuk Pakaian (RM)	66	115.98	85.482
Perbelanjaan untuk Buku/ fotostat (RM)	76	112.24	86.681
Perbelanjaan untuk telefon/ hiburan/ berekreasi (RM)	71	90.14	82.644
Lain-lain Perbelanjaan (RM)	30	133.67	174.524
Jumlah Perbelanjaan Keseluruhan (RM)	85	626.50	411.46242

Jadual 4.6 menunjukkan Kokurikulum yang diikuti semasa zaman persekolahan, pilihan kokurikulum pertama, pilihan kokurikulum kedua dan kokurikulum yang diikuti sekarang di UUM. Di zaman persekolahan, kebanyakan pelajar mengikuti kokurikulum berbentuk Sukan Padang, Air dan Udara. Kemudian, pilihan pertama dan kedua kebanyakan pelajar adalah jenis yang sama seperti yang diikuti pada zaman persekolahan. Namun, jenis kokurikulum yang diikuti sekarang di UUM, kebanyakannya adalah keusahawanan dan khidmat masyarakat seterusnya kemahiran hidup.

**Jadual 4.6: Peratus Kokurikulum Zaman Persekolahan, Pilihan Kokurikulum Pertama, Kedua dan yang diikuti Sekarang**

No	Jenis KoK	Zaman Sekolah	Pilihan No 1	Pilihan No 2	Diikuti di UUM
1	Kemahiran Hidup	4.8	20.0	9.7	11.7
2	<b>Keusahawanan</b>	<b>6.7</b>	<b>17.1</b>	<b>19.4</b>	<b>15.5</b>
3	Seni Suara	1.9	6.7	2.9	4.9
4	Sains Sukan & Rekreasi	1.0	1.0	1.0	1.0
5	<b>Khidmat Masyarakat</b>	<b>15.2</b>	<b>2.9</b>	<b>6.8</b>	<b>15.5</b>
6	Seni Tampak	3.8	1.9	3.9	2.9
7	<b>Sukan Padang Air Udara</b>	<b>38.1</b>	<b>23.8</b>	<b>32.0</b>	<b>9.7</b>
8	Kepemimpinan	9.5	5.7	7.8	7.8
9	Seni Bela Diri	7.6	4.8	3.9	6.8
10	Perniagaan Tani	0	1.0	2.9	5.8
11	Kor Mekanik	0	1.9	1.9	1.0
12	Seni Muzik	1.9	2.9	1.0	8.7
13	Teknologi Media & Kreativiti	1.9	3.8	2.9	1.0
14	Palapes	1.9	4.8	1.9	5.8
15	Suksis Polis	5.7	1.9	1.9	1.9

Jadual 4.7 adalah maklumat berkaitan pilihan kokurikulum pelajar dengan program yang diikuti sekarang di UUM di bawah IBS. Kebanyakan pelajar BIFB memilih kokurikulum Khidmat Masyarakat dan keusahawanan. Manakala BMA memilih Keusahawanan dan Seni Bela Diri. Walau bagaimanapun berdasarkan ujian t, sebenarnya tiada perbezaan yang signifikan bagi pelajar BIFB dan BMA dalam memilih kokurikulum yang mereka ikuti.

**Jadual 4.7: Pilihan KoK dan Program yang Diikuti**

	<b>BIFB</b>	<b>BMA</b>
Kemahiran Hidup	9	3
Keusahawanan	12	4
Seni Suara	2	3
Sains Sukan & Rekreasi	0	1
Khidmat Masyarakat	13	3
Seni Tampak	2	1
Sukan Padang Air Udara	9	1
Kepemimpinan	5	3
Seni Bela Diri	3	4
Perniagaan Tani	4	2
Kor Mekanik	1	0
Seni Muzik	7	2
Teknologi Media & Kreativiti	1	0
Palapes	6	0
Suksis Polis	2	0

Independent T-test,  $t=0.978$ ,  $Sig=0.331$

Seterusnya adalah maklumat berkaitan kokurikulum dan sebab pemilihan terhadap kokurikulum yang diikuti sekarang seperti mana boleh dirujuk dalam Jadual 4.8. Kebanyakan pelajar mendapat maklumat berkaitan kokurikulum yang ingin diikuti daripada Pusat Kokurikulum UUM sendiri, diikuti maklumat daripada rakan sebaya. Manakala bagi sebab utama pemilihan kokurikulum yang mereka sedang ikuti sekarang kebanyakan menyatakan atas sebab minat yang mendalam sejak sekian lama dan faktor seterusnya adalah untuk mengasah bakat terpendam.

**Jadual 4.8: Sumber Maklumat Berkaitan Kokurikulum dan Sebab Memilih Kokurikulum yang Diikuti**

	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>Sumber maklumat berkaitan Kokurikulum diperolehi daripada</b>		
Pusat Kokurikulum	61	41
Rakan sebaya	37	25
Senior	21	14
Ahli keluarga	11	7
Lain-lain sumber	9	6
Pensyarah	6	4
Saudara mara	4	3



<b>Sebab-sebab memilih Kokurikulum sekarang:</b>		
Minat sejak sekian lama	50	31
Ingin mengasah bakat terpendam	25	15
Galakan ibubapa/ keluarga/ kenalan	18	11
Mudah skor	15	9
Tiada pilihan lain kerana ko-k yang diminati terhad	12	8
Ketersediaan kemudahan yang sesuai	11	7
Ada jaminan kerjaya	11	7
Berkait dengan cita-cita kerjaya saya	9	5
Ada elaun	6	4
Sesuai dengan program yang diambil	5	3

Responden juga memberikan respon yang sangat baik terhadap jurulatih Kokurikulum yang mereka ikuti dengan purata skor 4.23, diikuti dengan pandangan kedua tertinggi mengatakan mengikuti kokurikulum di UUM membolehkannya mendapat lebih ramai kawan. Pandangan selebihnya dapat dirujuk dalam Jadual 4.9.

**Jadual 4.9: Pandangan terhadap Kokurikulum yang diikuti sekarang**

<b>Bil</b>	<b>Item</b>	<b>Purata</b>	<b>Sisihan Piawai</b>
<b>1</b>	<b>Saya berpuas hati dengan jurulatih Kokurikulum yang saya ikuti.</b>	<b>4.23</b>	<b>.800</b>
2	Mengikuti Kokurikulum di UUM membolehkan saya mendapat lebih ramai kawan.	4.22	.759
3	Mengikuti Kokurikulum di UUM menjadikan saya lebih berkeyakinan diri.	4.10	.720
4	Pengalaman yang saya perolehi melalui Kokurikulum boleh saya gunakan dalam kerjaya saya kelak	4.07	.763
5	Kokurikulum adalah kursus yang patut diwajibkan kepada semua pelajar IPT.	4.06	.842
6	Saya sangat seronok mengikuti Kokurikulum di UUM.	4.02	.747
7	Saya akan galakkan junior saya mengikuti KoK yang saya ikuti di UUM.	3.99	.872
8	Mengikuti Kokurikulum di UUM menjadikan kehidupan kampus saya lebih lengkap.	3.97	.790
9	Saya sangat teruja mengikuti kursus Kokurikulum di UUM.	3.93	.763
10	Kokurikulum yang saya ikuti sangat membantu saya untuk merancang kerjaya saya di masa hadapan.	3.76	.754

Bagi pandangan terhadap matlamat pelaksanaan kokurikulum di UUM pula dapat dilihat dalam Jadual 4.10. Item dalam bahagian ini dibentuk berdasarkan matlamat kursus dan Hasil Pembelajaran Kursus (Course Learning Outcome - CLO) bagi Kursus kokurikulum di UUM. Skor purata paling tinggi adalah pada item keempat iaitu "Program ini mampu meningkatkan keupayaan saya untuk bekerjasama dengan komuniti dan pihak berkepentingan di samping menekankan tanggungjawab sosial kepada masyarakat dan negara" dengan skor purata 4.20.

**Jadual 4.10: Pandangan terhadap Matlamat Pelaksanaan Kokurikulum di UUM**

Bil	Item	Purata	Sisihan Piawai
1	Program ini mampu menjadikan saya berkemahiran insaniah dan bernilai tambah dalam aspek kerjasama, perpaduan kaum, kredibiliti, pragmatik, dan berdaya saing.	4.13	.748
2	Program ini mampu meningkatkan pengetahuan dan kefahaman saya terhadap konsep, teori dan praktikal dalam bidang kokurikulum.	4.08	.689
3	Program ini mampu membimbing saya mengaplikasikan teori dan praktikal yang telah dipelajari dalam kursus kokurikulum.	4.11	.640
4	<b>Program ini mampu meningkatkan keupayaan saya untuk bekerjasama dengan komuniti dan pihak berkepentingan di samping menekankan tanggungjawab sosial kepada masyarakat dan negara.</b>	<b>4.20</b>	<b>.671</b>
5	Program ini mampu menjadikan saya mempunyai sahsiah terpuji dan menunjukkan sikap profesionalisme dalam kepemimpinan organisasi.	4.10	.678
6	Program ini mampu mempamerkan kebolehan saya dalam memimpin dan berkomunikasi dengan baik serta mampu bekerja secara berpasukan.	4.18	.647
7	Program ini mampu menjadikan saya mengintegrasikan ilmu yang dipelajari bagi meningkatkan keupayaan dalam membuat keputusan dan penyelesaian masalah.	4.08	.703
8	Program ini mampu menjadikan saya mengguna secara optimum kemahiran kepengurusan dan keusahawanan untuk dipraktikkan dalam pelbagai organisasi.	3.88	.817
9	Program ini mampu menjadikan saya menilai dan mengaplikasikan maklumat untuk pembangunan sendiri sepanjang hayat.	3.94	.757
10	Program ini mampu mempamerkan kebolehan kepimpinan saya dengan baik.	3.95	.752

Pilihan kokurikulum yang diikuti dengan kategori cita-cita responden boleh dirujuk dalam Jadual 4.11. Berdasarkan jadual tersebut dapat dilihat bahawa mereka yang mengikuti kokurikulum keusahawanan memilih cita-cita dalam bidang pendidikan berbanding bidang keusahawanan. Begitu juga yang memilih kokurikulum kemahiran hidup, lebih ramai yang bercita-cita dalam bidang kewangan dan perbankan berbanding yang lain. Dapat dilihat di sini seperti tiada kaitan antara kokurikulum yang dipilih dengan cita-cita pelajar di masa akan datang yang nampak relevan.

**Jadual 4.11: Pilihan Kokurikulum yang Diikuti dengan Cita-cita**

	Bidang Kewangan dan Perbankan	Bidang Keusahawanan dan Perniagaan	Bidang Pendidikan	Lain-lain	Belum Ada Cita-cita
Kemahiran Hidup	6	2	3	0	1
Keusahawanan	3	3	5	1	4
Seni Suara	3	1	1	0	0
Sains Sukan & Rekreasi	1	0	0	0	0
Khidmat Masyarakat	9	1	6	0	0

Seni Tampak	2	1	0	0	0
Sukan Padang Air Udara	6	0	2	0	2
Kepemimpinan	3	0	3	1	1
Seni Bela Diri	3	1	2	0	1
Perniagaan Tani	1	1	3	0	1
Kor Mekanik	1	0	0	0	0
Seni Muzik	1	3	3	0	2
Teknologi Media & Kreativiti	1	0	0	0	0
Palapes	5	0	1	0	0
Suksis Polis	1	0	0	1	0

## Kesimpulan

Hasil kajian menunjukkan pelajar IBS memilih kokurikulum keusahawanan dan khidmat masyarakat berdasarkan minat yang mendalam dan juga kerana ingin mengasah bakat terpendam. Secara keseluruhannya, apa yang ingin dicapai dengan penawaran kursus kokurikulum ini ialah menjadikan pelajar berkemahiran insaniah dan bernilai tambah dalam aspek kerjasama, perpaduan kaum, kredibiliti, pragmatik, dan berdaya saing telah tercapai. Perkara yang paling penting adalah pemilihan kokurikulum adalah amat bergantung kepada sumber maklumat utama iaitu Pusat Kokurikulum dan pengaruh rakan sebaya. Selain itu, pelajar lebih menjadikan kokurikulum sebagai tempat untuk mereka meningkatkan keyakinan diri, bekerja secara berpasukan, kemahiran berkomunikasi dan menambahkan kenalan dan bergaul dengan lebih baik.

Namun bagi memantapkan lagi kursus kokurikulum ini, sewajarnya pihak IBS dan juga Pusat Kokurikulum membantu pelajar baru iaitu pelajar semester pertama untuk memilih kokurikulum yang sesuai agar mereka lebih terbimbing untuk memilih kokurikulum yang sesuai dengan program yang dipilih serta boleh membentuk jati diri pelajar agar berdaya saing di alam pekerjaan kelak. Pengisian bagi setiap kokurikulum sebaiknya lebih berkonsepkan penerapan nilai agama seperti penerapan kepimpinan Islam dan etika atau akhlak di samping jalinan ukhuwwah sesama pelajar dan masyarakat.

## Rujukan

- Abd. Fatah Hassan (2001). *Penggunaan Minda Yang Optimum Dalam Pembelajaran*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Byrnie, B.M.2010. *Structural Equation Modeling with AMOS*. Second Edition. New York: Routledge Taylor & Francis Group.
- Crites J. (1989). *Vocational Psychology the Study of Vocational Behavior And Development*. London. Mc: Craw Hill Book Company.
- Hair, J.F., Anderson, R. Tatham, R & Black. W. 1998. *Multivariate Data Analysis*. Fifth Edition. New Jersey: Pearson Prentice Hall.
- Hair, J.F., W.C., Babin, B.J., Anderson, R.E. & Tatham, R.L. 2006. *Multivariate Data Analysis*. Sixth Edition. New Jersey: Pearson Prentice Hall.
- Lin, H.F. 2007. Predicting Consumer Intentions To Shop Online: An Empirical Test Of Competing Theories. *Electronic Commerce Research and Application*. 6: 433-442.
- Khashiatul Fauziah Hamzah (2003) Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Kerjaya Di Kalangan Remaja Melayu Di Daerah Batu Pahat. Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai: Tesis Sarjana Muda.

- Mohd Sofian Omar Fauzee, Aminuddin Yusof, Borhan Yusof (2000). *Kokurikulum Peranan dan Implikasi*. Kuala Lumpur: Sanon Printing.
- Mustafa Kamal Ali. (2000). Faktor Yang Mempengaruhi Penglibatan Pelajar Melayu Tingkatan Empat Dalam Aktiviti Kokurikulum Di Rancangan Felda Daerah Segamat Selatan. Tesis yang tidak diterbitkan : Universiti Teknologi Malaysia.
- Robiah Sidin (1993). *Pendidikan Malaysia: Cabaran Masa Depan*. Shah Alam: Fajar Bakti.Sdn. Bhd.
- Roshidah Mat Rashid (2001). Aplikasi Kompenen Ekonomi Rumah Tangga (ERT) dan Kemahiran Manipulatif Tambahan (KMT) Dalam Kehidupan Sehari-hari di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah. Universiti Teknologi Malaysia, Johor. Projek Sarjana Muda. Tidak Diterbitkan.
- Shahabudin Hashim (2003). *Psikologi Pembelajaran dan Personaliti*. Shah Alam: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Suradi Sarikon (1998). Hubungan Antara Iklim Sekolah dengan Prestasi Pelajar Universiti Teknologi Malaysia, Projek Sarjana Muda. Tidak Diterbitkan.
- Wee Eng Hoe (1996). *Organisasi dan pentadbiran sukan dan Pendidikan Jasmani*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Yamane, Taro. 1967. *Statistics: An Introductory Analysis*, 2<sup>nd</sup> Ed., New York: Harper and Row.